

## **PROFESIONALISME MILITARI DAN POLITIK: SUATU ANALISIS KONSEPTUAL**

*(Military and political professionalism: a conceptual analysis)*

Izham Hakimi Hamdi, Jayum Jawan, Dori Efendi

### **ABSTRAK**

Profesi adalah merupakan tugas atau pekerjaan yang spesifik. Ahli profesional tidak melakukan pelbagai macam pekerjaan kerana pekerjaannya memerlukan kepakaran khas. Profesional memiliki pengetahuan dan keahlian yang khas, yang tidak sama dengan kemahiran biasa, tetapi mempunyai sifat aplikasi yang universal. Profesional memerlukan pendidikan dan latihan yang lama dan intensif untuk memaju dan mengukuhkan tingkat profesionalisme. Oleh itu, seorang yang profesional tidak boleh melakukan banyak jenis pekerjaan yang boleh mengakibatkan tugas dan profesinya kurang terurus. Pekerjaan atau fungsi itu dinilai dengan pelaksanaannya, metod dan standard yang ditentukan oleh orang atau kawan seprofesi. Sahnya kuasa kaum profesional berdasarkan keahliannya dalam badan-badan profesional yang berkaitan. Profesional mempunyai tanggungjawab sosial. Bagi militari, tanggungjawab sosialnya adalah melindungi masyarakat, bangsa dan negara. Karektor korporasi mencipta *l'esprit de corps* yang kuat di antara kawan-kawan seprofesi yang juga menentukan standard penilaian seorang profesional. Sehubungan itu, artikel ini membincangkan konsep profesionalisme military dan politik dengan merujuk kepada pengalaman Indonesia sebagai kes kajian.

**Kata Kunci:** profesionalisme, militari, *l'esprit de corps*, keselamatan negara, Indonesia

### **ABSTRACT**

*Profession is a specific task or job. Professionals do not do a wide variety of jobs because their job requires special expertise. Professionals possess unique knowledge and skills, which are not the same as common skill, but have the nature of a universal application. Professionals require long and intensive education and training to develop and strengthen the level of professionalism. Therefore, a professional can not do many types of work that can result in lesser tasks and professions. The work or function is assessed by its implementation, the method and standard determined by a person of the same profession. The power of professionals is valid based on their membership in relevant professional bodies. Professionals have social responsibility. For the military, its social responsibility is to protect the people, the nation and the country. The corporate sector created a strong esprit de corps amongst fellow professions who also determine the standard of professional judgment. In this regard, this article discusses the concept of military and political professionalism with reference to Indonesia's experience as a case study.*

**Keywords:** professionalism, military, *l'esprit de corps*, national security, Indonesia

## PENGENALAN

Caforio (1988) menyatakan profesi adalah: “*A lifetime work activity that is essential (or a least useful) to the community and that is sufficiently demanding to require a certain intellectual ability and the requisition of considerable theoretical knowledge, specific to the particular profession*” (Caforio 1988: 55). Definisi profesi tersebut membawa beberapa unsur pengertian, yaitu pekerjaan yang dilakukan dalam waktu yang panjang; pekerjaan itu penting bagi kumpulan atau kesatuan; pekerjaan itu berguna bagi mencapai tujuan kemajuan; profesi merupakan sesebuah keahlian dan kemahiran yang melalui proses belajar untuk meningkatkan pengetahuan yang spesifik. Perkara ini juga harus berlaku di kalangan militari. Dalam kaitan dengan profesionalisme militari itu, Huntington (1957: 8) menyatakan pekerjaan seorang militer menuntut profesionalisme. Karakteristik yang membezakan kerjanya dengan jawatan lain adalah keahlian, tanggungjawab sosial dan *corporateness*. Pandangan ini juga menyatakan keterampilan utama militari ialah *management of violence*, iaitu mengarah, mengoperasikan dan mengendalikan organisasi manusia yang fungsi utamanya adalah fungsi militari. Oleh itu, militari tidak boleh melakukan banyak tugas dan fungsi supaya dapat menjaga dan meningkatkan profesionalismenya. Tulisan ini membincangkan tentang profesionalisme militari yang mencakupi apa pentingnya profesionalisme militari, hubungan antara profesionalisme militari dan politik, dan ciri-ciri profesionalisme militari yang merupakan syarat agar boleh disebut militari yang profesional.

## PENTINGNYA PROFESIONALISME MILITARI

Profesionalisme militari sangat penting kerana ia berkait dengan soal peperangan atau pertahanan negara, yang menentukan hidup dan matinya sesebuah negara. Di negara maju, profesionalisme militari sangat diperhatikan, namun tidak begitu di negara sedang membangun kerana militari sering campur tangan dalam bidang di luar profesinya. Ini kerana militari menganggap dirinya sebagai agen pembangunan. Jika dilihat dari sudut demokrasi, profesionalisme militari adalah penting kerana militari profesional tidak campur tangan dalam urusan politik. Campur tangan militari dalam urusan politik akan menjejaskan perjalanan demokrasi dan bertentangan dengan profesionalisme itu sendiri. Di dalam kehidupan military, ada aturan yang harus dipatuhi iaitu hierarki dan komando atau perintah dari atas. Ini bertentangan dengan prinsip demokrasi yang harus menyerap aspirasi rakyat dari bawah. Kepala Staf Angkatan Perang Republik Indonesia tahun 1951-1954 (sekarang Tentara Nasional Indonesia (TNI) Leftenan Jeneral T.B. Simatupang (1981: 161) menyatakan:

Perwira sudah terbiasa pada jalannya perintah dari atas ke bawah. Jika memikirkan soal-soal politik dengan tidak mempunyai bekal lain kecuali pengalaman sebagai militer, maka tidak mengherankan kalau ada yang mempunyai banyak simpati terhadap bentuk pemerintahan di mana orang mengatur segala sesuatu dari atas ke bawah.

Jadi, profesionalisme militari sangat penting kerana tugas dan fungsi militari adalah untuk membela kedaulatan negara, menjaga keutuhan wilayah dan keselamatan bangsa. Jika militari tidak profesional, maka akan membahayakan kehidupan bangsa dan negara. Di samping itu, militari yang profesional akan menumpukan pada bidang tugas dan profesinya dan tidak ikut campur dalam politik sehingga demokrasi dapat berkembang dengan baik. Perkara ini penting, kerana kehidupan negara yang moden mensyaratkan berlangsungnya demokrasi. Demokrasi merupakan pilihan yang baik dalam penyelenggaraan negara.

## **HUBUNGAN PROFESIONALISME MILITARI DAN POLITIK**

Banyak sarjana yang membincangkan tentang profesionalisme militari menyatakan militari profesional harus berkecuali dalam politik. Huntington (1957:71) menyatakan: *Politics is beyond the scope of military competence, and participation of military officers in politics undermine their professionalism, curtailing their professional competence, dividing the profession against itself, and substituting extraneous values for professional values. The military officer must remain neutral politically.* Hujah Huntington tersebut membawa maksud bahawa politik adalah di luar bidang militari dan penglibatan perwira militari dalam politik akan mengikis profesionalismenya, melawan kerjayanya sendiri, dan menghilangkan nilai-nilai profesionalisme. Perwira militari harus tetap berkecuali dalam politik agar dapat mengelakkan militari dari terlibat dalam politik praktis dan proses politik dapat berlangsung secara demokratis.

Nordlinger (1990:70) pula mengulas dimensi profesionalisme militari sebagai satu keadaan di mana perwira sangat mementingkan autonomi mereka, dan pihak awam tidak perlu mencampuri urusan dalaman militari; pihak awam juga tidak boleh mempengaruhi perwira militari dalam melaksanakan tanggungjawab kemiliteran mereka. Mereka juga menghargai eksklusiviti kemiliteran mereka, yang menganggap satu-satunya kelompok yang berhak memanggul senjata untuk mempertahankan negara. Dengan kata lain, militari tidak ingin ada kekuatan bersenjata lain yang tidak profesional. Perwira juga merupakan golongan profesional kerana kemahiran mereka dalam mengatur, mengarah dan menggerakkan sesebuah organisasi yang aktiviti utamanya adalah mempertahankan negara, iaitu melaksanakan perang melawan musuh yang mengancam kedaulatan negara.

Huraian di atas menunjukkan bahawa militari yang profesional memiliki kemahiran khusus dalam bidang ketenteraan, iaitu pertahanan negara atau perang melawan musuh yang mengancam kedaulatan dan integriti negara. Profesionalisme tersebut akan mengurangi kecenderungan atau kemungkinan militari untuk campur tangan dalam urusan pemerintahan awam. Namun, sekiranya pemerintahan awam mengancam autonomi dan eksklusiviti militari, maka ini akan menimbulkan motivasi militari untuk melakukan campur tangan terhadap pemerintahan awam yang bererti masuk dalam urusan politik. Perkara tersebut perlu diperhatikan khususnya oleh para elit politik dan penjawat awam agar tidak menjemput campur tangan militari dalam urusan politik. Campur tangan militari pada masalah politik pemerintahan bertentangan dengan prinsip profesionalismenya, dan campur tangan pemerintah awam terhadap pengurusan dalaman militari akan dianggap melanggar prinsip autonominya.

Stepan (1996) membezakan dua jenis profesionalisme, iaitu profesionalisme lama mengenai pertahanan luaran dan profesionalisme baru mengenai keamanan dalaman dan pembangunan nasional. Profesionalisme baharu disebut sebagai “keamanan nasional,”

yang menjurus pada peranan militari yang melebar luas dalam politik. Stepan (1996:28) menyatakan dalam profesionalisme mengenai pertahanan luaran, keahlian militari yang diperlukan adalah keahlian yang sangat khusus yang berbeza dengan keahlian politik; dampak dari sosialisasi profesional adalah menjadikan militari secara politik berkecuali; dan impak hubungan sivil-militari adalah membentuk militari yang tidak berpolitik dan kawalan terhadap awam. Oleh sebab itu, peranan dan tugas militari yang utama harus di arahkan kepada pertahanan luar, manakala untuk kepentingan dalam harus sesuai dengan kebijakan politik yang diputuskan oleh pemimpin pemerintahan sivil yang sah.

Dalam kaitannya dengan hubungan sivil-militari, maka yang harus diciptakan adalah *objective civilian control* kerana kawalan ini mengakui autonomi profesi militari, yang mengarah kepada militari profesional yang memiliki profesionalisme yang tinggi dan berkecuali dalam persoalan politik. Kekuatan politik dan penguasa harus menghindarkan untuk menggunakan militari bagi kepentingan politiknya dan memaksimumkan kekuasaannya yang menjurus kepada *subjective civilian control* iaitu keadaan ketika salah satu dari sejumlah kekuatan yang berkompertisi dalam masyarakat berhasil mengawal tentara dan menggunakannya untuk tujuan dan kepentingan politiknya yang menyebabkan militari tidak berkecualai (Huntington 1957: 80-85).

Muthiah Alagappa (2001: 227) menyatakan hasil penyelidikan tentang pengaruh profesionalisme militari di sepuluh negara Asia mendapati profesionalisme militari akan menghindarkan pemaksaan militari kepada pemerintah, membuat militari tidak berpolitik, akan menyokong kemajuan *civil society*, dan yang sangat mustahak adalah membawa militari kepada fungsi militari yang sebenarnya, iaitu bidang pertahanan negara. Dr. Kristiadi juga menyatakan: "Makin tinggi tingkat keahlian seorang militer, makin tinggi tingkat profesionalismenya, karena itu makin kecil keterlibatan mereka di luar bidang profesinya, terutama bidang politik" (*Kompas*. 2001. 28 November). Sedangkan penglibatan militari dalam sosiopolitik membuat fungsi utamanya tidak terurus dan profesionalismenya terganggu.

## **CIRI-CIRI PROFESIONALISME MILITARI**

Untuk mengetahui dan membezakan militari yang profesional dan yang tidak, perlu dilihat ciri-ciri profesionalisme militari yang merupakan prinsip dan syarat bagi militari untuk dapat disebut profesional. Caforio (1988:55) menyatakan ciri-ciri militari profesional adalah keahlian dalam bidang militari yang spesifik, tanggungjawab melindungi masyarakat dan negara, memiliki nilai moral yang tinggi yang terpisah sama sekali dari insentif ekonomi dan mempunyai tanggungjawab kepada negara serta adanya karektor korporasi yang melahirkan *esprit de corps* yang kuat di kalangan para tentera. Sementara Huntington (1957:7-18) menyatakan profesionalisme militari memiliki tiga ciri utama: pertama, keahlian yang spesifik dan memerlukan pengetahuan dan kemahiran yang hanya boleh didapati melalui pendidikan, latihan, dan pengalaman, serta selalu mengikuti perkembangan bidang profesinya. Kedua, tanggungjawab sosial yang khas. Oleh itu, militari harus memiliki nilai-nilai moral yang tinggi, mempunyai tanggungjawab kepada rakyat dan negara kerana tentera bukan milik peribadi pemimpinnya, dan tidak melayani kepentingan peribadi. Ciri ketiga adalah karektor korporat yang menumbuhkan *l'esprit de corps*. Militari, merupakan unit sosial yang mempunyai autonomi dan kemandirian dalam pengurusan dalaman, tradisi dan kebiasaan yang membezakannya dengan unit sosial lain

dalam masyarakat. Dalam perkara ini, militari memiliki eksklusivisme dan sifat eksklusif dalam promosi jawatan yang di kalangan militari merupakan bentuk korporat korps yang paling asas.

Dengan tiga ciri profesionalisme militari tersebut, Huntington mencipta *the military mind* yang menjadi asas bagi hubungan militari dengan negara. Inti *the military mind* ialah suatu ideologi yang mana militari profesional mengakui supremasi pemerintahan sivil. Bagi perwira militari, tidak ada kehormatan yang tinggi, kecuali ketaatan kepada negarawan sivil. Ini merupakan kontribusi utama Huntington dalam membahas tentang hubungan militari dengan negara (1957:79). Bagi Huntington, militari yang melakukan campur tangan politik, pada hakikatnya menyimpang dari etika militari profesional. Beliau menyatakan etika militari mementingkan ketertiban, hierarki dan pembahagian tugas serta pengakuan akan negara sebagai bentuk tertinggi organisasi politik. Negara yang kuat hanya wujud jika ada kekuatan militari, tetapi kekuatan militari adalah untuk kepentingan negara.

Ciri dan pengertian profesionalisme di atas boleh berlaku di mana pun. Dengan perbincangan tentang erti profesi, pentingnya profesionalisme militari, hubungan profesionalisme militari dan politik, serta ciri-ciri profesionalisme dari Caforio dan Huntington, maka dapat ditegaskan dan dielaborasikan lagi ciri-ciri yang menjadi prasyarat profesionalisme militari seperti berikut:

- i. ahli dan mahir dalam melaksanakan tugas pertahanan negara atau perang melawan ancaman dari musuh negara.
- ii. bersikap berkecuali dengan tidak melibatkan diri dalam politik praktis.
- iii. memiliki disiplin, mentaati hukum, dan memiliki *l'esprit de corps* (jiwa korsa) yang tinggi dan sihat.
- iv. memiliki moral dan etika keperajuritan yang tinggi.
- v. menghargai dan membela rakyat secara proporsional.
- vi. menghargai pihak berkuasa atau supremasi sivil.

Rumusan ciri-ciri profesionalisme militari di atas akan dihujah untuk memberi kepastian makna ciri profesionalisme agar tidak kabur. Perkara ini penting supaya dicapai kepastian ertinya dan dapat dijadikan kayu ukur dalam membangun profesionalisme militari mahupun untuk memudahkan mengetahuinya jika ada penyimpangan terhadap profesionalisme militari tersebut. Ini dipandang penting kerana pada masa lepas terjadi penyimpangan terhadap prinsip-prinsip profesionalisme militari. Contohnya di Indonesia pada masa pemerintahan Orde Baru yang dipimpin oleh Presiden Soeharto, para pejabat pada masa itu juga menyatakan perlunya profesionalisme militari tetapi militari telah menyimpang sehingga militari mendominasi semua bidang kehidupan masyarakat, bangsa, dan negara dengan melakukan banyak fungsi.

### **Ahli dan Mahir dalam Melaksanakan Tugas Pertahanan Negara**

Objektif penubuhan militari adalah menjadi perajurit profesional dengan cara memiliki kecekapan dan kemampuan yang hebat sesuai bidang tugasnya sebagai alat pertahanan negara. Ini boleh diperincikan oleh ahli yang mahir dalam olah bertempur, tanggap atau responsif dan mampu menghadapi segala ancaman yang membahayakan kelangsungan

hidup bangsa dan negara; memiliki kemampuan berfikir yang matang dan rasa bertanggungjawab terhadap keselamatan bangsa dan negara; berfikir dan bertindak secara komprehensif; kreatif, produktif, efisien, maju dan memiliki semangat berjuang yang tinggi; memiliki kemampuan teknik, taktik, dan menguasai prosedur; memiliki kesehatan yang cergas dan kesiapan fizikal yang kuat. Perkara itu merupakan inti yang utama bagi perajurit kerana memang itu yang menjadi tugas dan fungsi mereka sebagai alat negara.

Untuk mencapai kemampuan itu, perajurit harus melakukan pendidikan dan latihan yang berterusan. Latihan diadakan secara berperingkat-peringkat dan berterusan, dan dengan kes yang berbeza, serta dengan pelbagai medan lapangan yang berbeza pula. Setiap perajurit harus dilatih kesiapan mental dan fizikal agar setiap masa boleh dikirim ke medan perang. Bagi perajurit, waktu adalah kemenangan dan keselamatan bangsa dan negara. Oleh itu, tidak ada waktu yang disia-siakan, tetapi harus dimanfaatkan untuk berlatih. Lebih baik bermandi keringat pada masa damai daripada bermandi darah pada masa perang. Clark (2002: 6), salah seorang jeneral komander tempur yang berjaya pada masa perang dunia kedua menyatakan:

*Every successful commander knows that soldiers perform in combat no better than they have been taught and practiced in training. Prior training as a whole team is essential for mission success. Practice can make a perfect performance. Training develops good combat soldiers, and it lets you know what you can count on from your command in a crisis.*

Perwira militari berperanan besar dalam memenangkan pertempuran. Mereka juga harus pandai membuat perancangan yang baik kerana ia merupakan sebahagian daripada kecermelangan dalam pelaksanaan pertempuran. Clark (2002: 2) menyatakan:

*The ability to plan with practicality and foresight is the top of the list a most contributory to successful command. Planning ability is particularly crucial to success in conducting an offensive operation. Moreover, certain planning steps are more likely to bring success than others.*

Pekerjaan tentera pada masa damai adalah belajar dan berlatih untuk mengukuhkan profesionalismenya, dan tidak perlu lagi melakukan pekerjaan yang tidak ada hubungan dengan profesinya. Tanpa itu, tujuan untuk mewujudkan militari yang profesional, efisien, efektif dan moden tidak akan tercapai. Perkara itu juga memerlukan perbelanjaan yang cukup bagi prasarana perajurit, peralatan yang tidak ketinggalan zaman, dana untuk berlatih dan keperluan lainnya termasuk untuk meningkatkan kesejahteraan perajurit. Dengan belanjawan yang mencukupi militari dapat menumpukan kepada masalah profesionalismenya.

### **Bersikap Berkecuali dan Tidak Melibatkan Diri dalam Politik Praktis**

Cara untuk meningkatkan profesionalisme antaranya ialah tidak ikut dalam arena politik dan bersikap berkecuali, serta menumpukan kepada tugasnya sebagai alat pertahanan negara. Di Indonesia, perkara ini pernah dipesankan oleh Bapak TNI Panglima Besar

Soedirman. Oleh itu, Timbalan Presiden yang merangkap Perdana Menteri Mohammad Hatta, ketika Soedirman wafat, berpesan:

Figur Soedirman sukar diganti. Bagi tentara kita kehilangan ini hanya dapat diatasi dengan memperkuat rasa kewajiban terhadap negara. Tanamkan dalam hati perkataan yang seringkali diucapkan oleh Letnan Jeneral Soedirman “Tentara adalah alat negara. Tentara tidak berpolitik, politik Tentara adalah politik negara” (Dlm. Tjokropranolo 1992: 203).

Oleh sebab itulah, pada era reformasi yang dimulai tahun 1998, Tentera Nasional Indonesia (TNI) telah mereformasi dirinya dengan paradigma baru yang meninggalkan doktrin dwi fungsinya dengan meninggalkan peranannya dalam sosiopolitik dan tidak melibatkan diri dalam politik praktis. Tujuan TNI berbuat demikian adalah untuk menjadi tentera profesional. Menjadi tentera yang profesional adalah penting bagi TNI untuk menghindarkan pengaruh dan tarikan kepada kekuatan politik tertentu, dan juga untuk mendokong pembangunan demokrasi di Indonesia yang pada masa sebelumnya terhalang kerana dominasi militari. Untuk membangunkan profesionalismenya, militari harus bertumpu pada fungsinya dan tidak melibatkan diri dalam politik praktis.

Selain militari yang tidak menunjukkan minat untuk terus berperanan dalam sosiopolitik, pihak sivil juga harus turut berperanan bagi membangunkan profesionalisme militari, bertindak dewasa dengan tidak menarik militari ke kancah politik. Leftenan Jeneral (Purn.) Hasnan Habib, mantan duta besar Republik Indonesia ke Amerika Syarikat menyatakan: “Militer akan terus bermain dalam gelanggang politik jika politisi sipil tidak dapat bersikap dewasa. Semakin tidak dewasa elit sipil, semakin besar peluang militer untuk masuk kembali” (*Koran Tempo*. 2001. 22 Ogos). Sementara itu, TNI sendiri mengakui bahawa masih terdapat kecenderungan ahli politik untuk menarik mereka kembali kepada kepentingan politik. Itu, ertinya akan membawa TNI kepada politik praktis dan partisan politik, dan itu harus diwaspadai (Mabes TNI 2001: 49). Pengakuan dari Mabes TNI itu menunjukkan bahawa sudah ramai perwira TNI yang bersikap profesional, bersikap waspada terhadap tarikan-tarikan oleh kekuatan politik. Mantan Presiden Abdurrahman Wahid juga menyatakan bahawa kini sudah ramai militari tidak mahu berpolitik dan itu yang harus menjadi pemimpin untuk membangunkan profesionalisme TNI. Abdurrahman Wahid juga menyatakan perlunya sokongan dari pemerintah untuk mencukupi dana bagi tujuan pembangunan profesionalisme TNI dan untuk kesejahteraan perajurit agar perajurit dapat menumpukan perhatian pada meningkatkan kemampuannya.

Dalam kaitan kemungkinan adanya tarikan ke arah politik praktis itu, Panglima TNI Jeneral Endriartono Sutarto menulis:

Aneka tarikan berbagai kelompok untuk kembali ke gelanggang politik praktis harus disikapi dengan kearifan dan konsistensi ucapan dan tindakan. Perjalanan panjang pasang surut TNI di masa silam cukup menjadi pelajaran berharga agar TNI tak lagi memasuki jebakan wilayah yang melenakan, yang dapat menyeret TNI ke dalam kekeliruan dan distorsi peran (*Kompas*. 2003. 4 Oktober).

Pesanan itu mengarahkan supaya TNI bersikap waspada kepada kemungkinan adanya tarikan yang akan menggunakan TNI untuk mendokong kepentingannya. Pesanan itu juga menunjukkan ada kesilapan pada masa lepas kerana ada penyimpangan terhadap peranan tentera dengan ramainya tentera menjawat jawatan sivil. Dengan paradigma baru dan reformasi dalamannya, TNI tidak mahu mengulangi kesilapan itu. Masa lepas menjadi pengajaran yang penting bagi membangunkan TNI profesional yang dapat menjadi simbol integriti bangsa.

### **Memiliki Disiplin, Mentaati Hukum, dan *L'esprit de corps* yang Kuat**

Bagi mewujudkan profesionalismenya, militari mesti meningkatkan disiplin kerana disiplin adalah sendi kehidupan perajurit yang penting seperti yang dikatakan oleh Perlmutter (2000: 3): “Secara historis, atribut paling penting dari prajurit adalah keberanian dan disiplin.” Disiplin sangat berpengaruh pada kecemerlangan pencapaian prestasi, penampilan perajurit, mencipta imej yang baik dari masyarakat, dan meningkatkan kemampuan bertempur perajurit. Patton, komander dalam perang dunia kedua yang sangat dikenali menekankan mustahaknya disiplin. Kata beliau: “*To be good soldiers a man must have discipline, self-respect, pride in his unit in his country, a high sense of duty and obligation to his comrades and to his superiors, and self-confidence born of demonstrated ability*” (Patton 1981:317).

Ketaatan terhadap hukum juga penting kerana ia merupakan salah satu keharusan bagi perajurit. Oleh itu, setiap pemimpin kesatuan tentera harus menegakkan hukum dan disiplin. Penegakan hukum dan disiplin sebagai nafas dari kehidupan prajurit, adalah tuntutan mutlak bagi keberhasilan pelaksanaan tugas satuan. Oleh karenanya, semua bentuk pelanggaran sekecil apapun akan segera diambil tindakan yang cepat, transparan, tuntas dan bijaksana. Ini harus menjadi komitmen bagi setiap komander kesatuan. Oleh itu, peranan setiap komander sangat mustahak dalam membangunkan disiplin dan ketaatan terhadap hukum. Antaranya dengan memberi contoh dan teladan, memberi hadiah atau penghargaan bagi yang baik, dan memberi hukuman bagi yang salah.

Di samping itu, *l'esprit de corps* (jiwa korsa)<sup>1</sup> juga sangat mustahak bagi perajurit. Huntington (1957:10) menyatakan, salah satu ciri perajurit profesional ialah *l'esprit de corps* yang merupakan keperluan mutlak yang harus dicipta bagi kesatuan tentera. Ini kerana *l'esprit de corps* yang tinggi akan mencipta disiplin, ketertiban, meningkatkan semangat berjuang dan motivasi, dan juga akan meningkatkan kemahiran. Perajurit juga

---

<sup>1</sup> *L'esprit de corps* (jiwa korsa) adalah semangat keakraban dalam Korps atau *corps geest*, suatu kecintaan dan kebanggaan terhadap Korps atau Kesatuan. Tetapi, kecintaan dan kebanggaan itu secara wajar, tidak berlebihan. Jiwa korsa juga mengandungi rasa hormat peribadi dan Kesatuan, setia kepada tradisi Kesatuan, dan setia kepada kawan-kawan Kesatuan, suatu kesedaran bersama yang tidak mementingkan diri sendiri, dan kesiapan berkorban bagi kepentingan yang lebih besar. Jiwa korsa mengandungi loyaliti, merasa ikut memiliki, dan merasa ikut bertanggungjawab atas Kesatuannya. Jiwa korsa yang murni akan mencipta sikap telus, menerima saranan dan kritikan, dan berusaha menempatkan sesuatu pada proporsi yang sebenarnya, tidak membela yang salah, tetapi mahu melakukan introspeksi. Jiwa korsa ini, seperti konsep *ashabiyah*nya Ibnu Khaldun (1332-1406) yang ditulis dalam bukunya “*Muqaddimah*,” diertikan sebagai rasa senasib dan sepenanggungan, perasaan solidariti, semangat kesatuan, dan kesedaran kolektif. Makna kecintaan, kesetiaan, dan kebanggaan dalam jiwa korsa adalah dalam erti yang sihat, tidak berpandangan sempit, yang tidak boleh disamakan dengan *chauvinisme* Korps (Abdoel Fattah 2001: 13-14).



akan bersikap kreatif dan penuh inisiatif, tetapi tahu menempatkan dirinya secara tepat, serta memiliki semangat bertempur dan berbuat baik, kerana jiwa korsanya telah mendorong untuk menjaga nama baik dan prestasi Korpsnya.

Membangunkan jiwa korsa pada asasnya menimbulkan rangsangan psikologis dan emosional yang membuat individu bersedia mengorbankan kepentingan peribadinya demi kepentingan kolektif. Membina jiwa korsa pada hakikatnya membina perasaan kerana ada sisi irasionalnya, walaupun perancangannya rasional. Jika menghormati bendera misalnya, sebenarnya perbuatan irasional, sebab jika dirasionalkan, maka yang dihormati hanyalah sepotong kain. Tetapi itu perlu sebagai simbol pembinaan semangat. Sejarah gemilang Korps, riwayat ahli yang mengesankan dan prestasi tinggi ahli Korps, tradisi Korps, penampilan yang khas, dan pembinaan disiplin, lagu Korps yang bersemangat, dan semboyan serta motto Korps merupakan simbol yang dapat menumbuhkan jiwa korsa, meningkatkan disiplin, pengabdian, semangat berjuang dan berkorban. Yang sangat mustahak dalam membangun jiwa korsa ialah supaya jangan sampai menuju ke *chauvinisme*, iaitu solidariti yang tidak proporsional dan tidak sihat yang boleh menjejaskan Korps. *Chauvinis* selalu menutup diri dan bersyak bahawa yang lain buruk, dan hanya Kesatuan merekalah yang baik. Solidariti untuk kebenaran adalah sangat penting, tetapi solidariti yang membuat sombong tidak berguna (Ibn Khaldun 2000: 229; 249). Untuk mencipta jiwa korsa yang sihat, para komander satuan tempur perlu melakukan pendekatan kemanusiaan dalam kepemimpinannya agar ahlinya merasa dekat dan padu, sehingga tercipta kesedaran dan keikhlasan dalam melakukan tugas, dan sanggup memberikan yang terbaik bagi Korps dan negaranya.

Gaya kepemimpinan militari juga tidak perlu selalu seram. Gaya yang “seram,” selalu keras, menakutkan ahlinya, tanpa ada hubungan yang *interpersonal* harus dimodifikasi. Pendekatan humanistik dalam kepemimpinan di lingkungan militari perlu dikembangkan tanpa mengurangi sifat ketegasan. Seorang perajurit adalah juga manusia biasa, yang juga memerlukan pendekatan yang bersifat sosiologis dan sentuhan psikologis, memerlukan pujian, kasih sayang serta penghargaan. Negin (2002: 30) menyatakan seperti berikut:

*If you manage by love...that is, if you show them respect and trust...in that kind of atmosphere, they dare to take risks. Daft contends that leading with love, by showing respect and trust, not only generates improved performance but also makes people feel more connected to the organization and feel better about their lives.*

Apa yang dinyatakan oleh Negin itu merupakan implementasi bagi memenuhi keperluan asasi manusia, utamanya keperluan sosiologis dan psikologis dengan memberi kepercayaan, penghargaan kasih sayang, termasuk kepada keluarganya. Moilanen (2002: 57) juga mengetengahkan mustahaknya *interpersonal* dalam kepemimpinan. Menurut beliau, ada empat tuntutan kemampuan kepemimpinan yang utama iaitu konseptual, *interpersonal*, teknik, dan taktik. Kemampuan *interpersonal* itu perlu dikembangkan di lingkungan militari supaya menghilangkan kesan perajurit itu “seram,” selalu keras, dan

menakuti rakyat. Ini penting supaya para perajurit dapat merebut hati rakyat sehingga disenangi oleh rakyat.

### **Memiliki Moral dan Etika Keperajuritan Yang Tinggi**

Bagi mencapai militari yang profesional, perlu meningkatkan pemahaman tentang moral dan etika keperajuritan kerana moral dan etika keperajuritan yang tinggi akan meningkatkan profesionalismenya. Moral dan etika akan menjadi pendorong untuk menjadi perajurit yang baik. Moral dan etika sangat mustahak kerana akan menuntun setiap sikap, tindakan, dan peri laku perajurit. Moraliti adalah norma atau standard tingkah laku manusia yang diasaskan atas pertimbangan benar-salah dan baik-buruk.

Franz Magnis Suseno (1995: 141-149) menggariskan tujuh sikap yang perlu dikembangkan jika ingin memperoleh kekuatan moral iaitu kejujuran, nilai-nilai murni, kesediaan untuk bertanggungjawab, kemandirian moral, keberanian moral, kerendahan hati, realistik dan kritis. Bartens (1994: 6) pula mendefinisikan etika sebagai nilai-nilai dan norma-norma yang menjadi pegangan bagi seseorang atau suatu kumpulan masyarakat dalam mengatur tingkah lakunya. Muhammad Ryaas Rasyid (1997: 43-44) menyatakan etika bertujuan menjadikan moraliti sebagai landasan bertindak dalam sebuah kehidupan kolektif yang profesional. Whaley (2002: 9) pula menyatakan bahawa etika profesional akan menentukan baik dan buruknya pelaksanaan tugas dan fungsi.

Dengan memahami erti dan definisi di atas, maka jelaslah sebagai perajurit profesional harus memiliki sifat, tekad, dan semangat, serta peri laku seperti yang dimaksudkan dalam pengertian dan definisi tersebut supaya perajurit tertanam moral dan etika keperajuritan yang tinggi.

### **Menghargai dan Membela Rakyat Secara Proporsional**

Setiap perajurit sama ada sebagai individu mahupun kesatuan adalah sebahagian dari rakyat. Perajurit adalah warga negara biasa, bukan warga negara istimewa. Untuk tentera Indonesia perkara ini telah ditegaskan oleh Panglima Besar Soedirman pada 1 Januari 1946 yang tertulis dalam Maklumat Pimpinan Tentera Keamanan Rakyat. Katanya: "Tentera bukan merupakan suatu golongan di luar masyarakat, bukan suatu "kasta" yang berdiri di atas masyarakatnya, tentera tidak lain dan tidak lebih dari salah satu bagian masyarakat yang mempunyai kewajiban tertentu" (Dlm.Pusbintal ABRI 1991: 15).

Tentera harus menghargai dan melindungi rakyat. Dalam perspektif Huntington (1957) dan Perlmutter (2000), perkara ini merupakan salah satu ciri profesionalisme militari yang disebutnya sebagai tanggungjawab sosial, iaitu melindungi rakyat dan negara. Oleh itulah, Hatta, selaku Timbalan Presiden merangkap Perdana Menteri, pada hari wafatnya Panglima Besar Soedirman tanggal 29 Januari 1950 semasa berpidato di radio mengatakan:

Bapak Angkatan Perang yang hari ini meninggalkan anak-anaknya akan memberikan kekuatan jiwa kepada Angkatan Perang kita untuk menempuh jalan yang sulit itu. Jeneral Soedirman telah memberikan sifat dan arah yang baik kepada Angkatan Perang Indonesia, yakni: Angkatan Perang adalah Pelindung Rakyat dan Abdi Rakyat (Dlm. Tjokropanolo 1992: 204).

Tanggungjawab perajurit untuk menghargai dan melindungi rakyat itu ada hubungkaitnya dengan moral dan etika keperajuritan. Perajurit bukanlah menonjolkan kekuatan otot atau fizikalnya sahaja, tetapi juga otaknya, dan dalam hubungannya dengan rakyat, ia mesti menggunakan hati nurani kerana ini menyangkut kesedaran moral. Ini supaya tentera dapat tetap dekat dengan rakyat, dicintai dan menjadi kebanggaan rakyat. Contohnya semasa reformasi, militari dicaci, dicemuh oleh rakyat, utamanya mahasiswa, tetapi ahli Marinir Tentera Laut disukai rakyat. Ini kerana Marinir pada amnya tidak melukai hati rakyat, dan ketika puncak massa menjatuhkan Soeharto, terlihat ahli Marinir tidak bersikap kasar dan menembak rakyat. Hati nurani marinir ini berkata, tidak boleh bertempur melawan rakyat. Anderson & Lev (1998: 38-39) menulis tentang pertanyaan mereka kepada perwira belia Marinir:

Kita tidak ingin bertempur dengan rakyat kita sendiri, tutur Letnan Heru, seorang anggota Marinir yang ditugaskan menjaga kompleks MPR, tempat para demonstran memanjat atas gedung tersebut dan tidur di ruang-ruang serta koridor. Saya ingatkan kepada semua prajurit saya, “jangan menembak rakyat kita. Dan mereka tahu kita tidak akan melakukannya.”

Mann (1999:97) juga menggambarkan situasi di Jakarta ketika suasana mencengkam dengan amuk massa yang sangat besar. Tulisnya:

*Only the marines had emerged from the fracas with its reputation intact. They had not confronted the student, they had not fought or beaten them. They had flowed along with them, accepting flowers put in their rifles and food and drinks from the marchers. There were many pictures of marines and students hugging and shaking hands.*

Selanjutnya Mann juga menyatakan ahli Marinir Tentera Laut juga bersikap setia terhadap ahli TNI yang lain: “*In one incident, Kostrad troops had to be protected from the mob by the Marines*” (1999: 98). Kostrad adalah Kesatuan Komando Strategis Tentera Darat.

Perkara itu menunjukkan berjalannya mekanisme otak dan hati nurani yang meyakini apa yang baik dan buruk, benar dan salah. Bagi perajurit marinir pada masa itu, logikanya mengatakan bahawa mahasiswa itu bukan musuh, tetapi rakyat, dan hati nuraninya mengatakan bahawa menembak rakyat itu suatu perbuatan yang salah. Perajurit tidak boleh merasa memiliki status lebih tinggi daripada rakyat; tidak boleh berasa lebih kuat dari rakyat, tidak boleh menyakiti hati rakyat, sebaliknya harus bersikap santun dan menghargai rakyat serta melindungi rakyat, kerana dengan demikian rakyat akan mencintai militari, dan kemudiannya akan membantu militari apabila diperlukan. Ini perlu ditanamkan melalui pendidikan dan sosialisasi di tempat tugas.

## Menghargai Pihak Berkuasa atau Supremasi Sivil Dalam Negara Demokratis

Di negara-negara maju yang demokratis, tentera harus mahu menerima pihak berkuasa sivil, iaitu pemerintah sah yang dipilih rakyat melalui pilihan raya yang demokratis, adil, bebas dan jujur. Itu maknanya supremasi sivil dalam negara demokrasi. Burhan Magenda mengatakan supremasi sivil maknanya supremasi autoriti sivil, bukannya bererti orang sivil membawahi orang militari, tetapi autoriti penjawat sivil yang sah berasas pilihan rakyat secara konstitusional. Prinsip supremasi sivil itu juga merupakan pandangan Huntington (1957: 79), khasnya yang menyangkut profesionalisme militari dan hubungan sivil-militari yang sudah diujah sebelum ini.

### RUMUSAN

Profesionalisme adalah kombinasi dari pengetahuan dan kemahiran yang berkemampuan tinggi dalam bidang yang spesifik. Pekerjaan dan tugas militari merupakan profesi yang sangat penting bagi kelangsungan hidup bangsa dan negara. Oleh itu, profesionalisme militari harus selalu dibangun dan dikembangkan dengan sungguh-sungguh. Militari tidak dibenarkan untuk masuk dalam arena politik praktis kerana jika itu dilakukan akan merencat profesionalismenya. Di samping itu juga akan merencat pembangunan demokrasi. Perkara itu perlu mendapat perhatian, kerana untuk mewujudkan negara yang moden, maka penyelenggaraan negara harus dilakukan secara demokratis.

Bagi membangunkan profesionalisme militari perlu kayu ukur yang jelas dengan ciri-ciri profesionalisme militari supaya arah perwujudan profesionalisme tidak menyimpang. Tentera profesional adalah tentera yang mahir melaksanakan tugas pertahanan negara, bersikap berkecualai dan tidak melibatkan diri dalam politik praktis, memiliki disiplin, mentaati hukum, dan *esprit de corps* yang tinggi dan sihat, memiliki moral dan etika keperajuritan yang tinggi, menghargai rakyat, dan menghargai supremasi sivil.

### RUJUKAN

- Abdoel Fattah. 2001. L'esprit de corps bukan chauvinisme coprs. *Marinir*, November: 13-14.
- Anderson, B. & Lev, D. 1998. *Soeharto lengser: perspektif luar negeri*. Yogyakarta: LkiS.
- Azyumardi Azra (Rektor Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta). 2003. TNI dan Pembangunan demokrasi. Jakarta. Komunikasi bertulis, 29 Disember.
- Bartens, K. 1994. *Etika*. Jakarta: PT. Gramedia.
- Caforio, G. 1988. The military profession: theories of change. *Armed Forces and Society* 15(1): 55-69.
- Clark, B. C. 2002. Leadership, commandership, planning, and success. *Military Review* 82(4): 2-7.
- Franz Magnis Suseno. 1995. *Etika dasar: masalah-masalah pokok filsafat moral*. Yogyakarta: Kanisius.
- Huntington, S. P. 1957. *The soldier and the state: theory and politics of military relations*. London: The Belknap Press of Harvard University Press.

- Ibn Khaldun. 2000. *Muqaddimah*. Terj. Ahmadie. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Kompas. 2001. 28 November.
- Kompas. 2003. 4 Oktober.
- Koran Tempo. 2001. 22 Ogos.
- Mann, R. 1999. *Fight for democracy in Indonesia*. Bournemouth, England: Gateway Books.
- Markas Besar Tentara Indonesia (Mabes TNI). 2000. *Implementasi paradigma baru TNI dalam berbagai keadaan mutakhir*. Jakarta: Mabes TNI.
- Moilanen, J. H. 2002. Leader competency and army readiness. *Military Review* **82** (4): 56-63.
- Muhammad Ryaas Rasyid. 1997. *Makna kepemimpinan: tinjauan dari segi etika dan kepemimpinan*. Jakarta: P.T. Yasrif Watampone.
- Muthiah Alagappa (pnyt.). Military professionalism in Asia: conceptual and empirical perspectives. (Atas talian) <http://www.ewc.hawaii.edu/res-rp-publicationdetails.asp.pubID=1139> (29 Januari 2003).
- Negin, J. 2002. Building brotherhood for combat. *Military Review* **82**(4): 27-32.
- Nordlinger, E. A. 1990. *Militer dalam politik, kudeta dan pemerintahan*. Terj. Sahat Simamora. Jakarta: Rineka Cipta.
- Patton, G. S. Jr. 1981. *War as I knew it*. New York: Bantam Books.
- Perlmutter, A. 2000. *Militer dan politik*. Terj. Sahat Simamora. Jakarta: P.T. RajaGrafindo Persada.
- Pusat Pembinaan Mental ABRI (Pusbintal ABRI). 1991. *Wawasan kejuangan Panglima Besar Sudirman*. Jakarta: Yayasan Kejuangan Panglima Besar Sudirman.
- Simatupang, T. B. 1981. *Pelopor dalam perang pelopor dalam damai*. Jakarta: Pustaka Sinar Harapan.
- Stepan, A. C. 1996. *Militer dan demokrasi: pengalaman Brasil dan beberapa negara lain*. Terj. Bambang Cipto. Jakarta: Pustaka Utama Grafiti.
- Tjokropranolo. 1992. *Panglima besar TNI Jenderal Soedirman: pemimpin pendobrak terakhir penjajahan di Indonesia*. Jakarta: P.T. Surya Persindo.
- Whaley, G. 2002. The rationale for an ethic of military professionalism. (Atas talian) <http://www.accts.org/ethics/norwa/whaley.htm>. (31 Oktober 2002).
- Wisnu Bharata. 1999. Persepsi kalangan sipil mengenai dwi fungsi ABRI: sebuah survey deskriptif. Dlm. Rizal Sukma & J. Kristiadi. (pnyt.). *Hubungan sipil-militer dan transisi demokrasi di Indonesia*, hlm. 127-143. Jakarta: CSIS.

IZHAM HAKIMI HAMD  
JAYUM JAWAN  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
[jayum@upm.edu.my](mailto:jayum@upm.edu.my)  
[izhamhamdi@gmail.com](mailto:izhamhamdi@gmail.com)

DORI EFENDI  
Universitas Jambi  
Bandar Jambi  
Indonesia  
[doriefendi@yahoo.com](mailto:doriefendi@yahoo.com)